

Kaum Ibu yang Masyhur

Sītī Māriyah al-Qibṭiyyah

(2)

Berita Gembira

Sītī Māriyah, *raḍiya Allāhu ‘anhā*, telah menyebut tahun yang kedua di rumah tangga Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*, dan selama itu ia tidak putus-putus menyebut-nyebut akan Sītī Hājar dan Nabī Ismā‘īl *‘alayhi al-salām*.

Dengan tidak disangka-sangka, terasalah Sītī Māriyah bahawa ia sedang mengandung, tetapi ia tidak begitu percaya. Ia telah menyembunyikan hal itu sebulan dua, dan akhirnya nyatalah bahawa ia betul-betul sedang mengandung, lalu dikhabarkannya kepada adiknya, Sītīn.

Sītī Māriyah nyaris-nyaris pengan kerana suka dan gembiranya, kerana selama itu tidak disangkanya bahawa cita-citanya itu akhirnya berhasil.

Tenggelamlah Sītī Māriyah di dalam kegembiraannya seperti mimpi lakunya, dan manakala Rasulullah datang, Sītī Māriyah pun segera menyampaikan berita yang menggembirakan itu.

Dengan serta merta baginda teringat, bahawa baginda dalam sebulan itu selalu diperhatinya Sītī Māriyah tidak sedap badan, resah gelisah dan tidak bernafsu makan. Hal yang seperti ini memang baginda biasa

melihatnya berlaku kepada isterinya Sītī Khadījah dahulu, ketika ia dalam permulaan masa mengandung. Tetapi baginda selama ini hanya disangkanya Sītī Māriyah demam-demam sedikit dan sakit biasa, yang akan hilang dalam sehari dua.

Dengan wajah yang berseri-seri, baginda pun menengadah ke langit mengucapkan syukur ke hadrat Ilahī Rabbī atas limpah kurnia-Nya yang tidak ternilai itu, apalagi baginda baharu sahaja kematian seorang puterinya yang dikasihi – Sītī Zaynab *raḍya Allāhu ‘anhā*.

Berita yang menggembirakan itu telah terhebah di seluruh bandar Madīnah. Sungguhpun berita ini menggembirakan tetapi sudah barang tentu menjadi suatu paluan kepada isteri-isteri baginda yang lain.

Bagaimana Sītī Māriyah, orang dagang yang datang, yang hanya baharu setahun lebih dalam tangan Rasulullah boleh mengandung, padahal ada di antara madu-madunya yang lain yang telah berada di rumah tangga Nabī, lebih daripada sepuluh tahun, tidak melahirkan seorang anak pun?

Adakah Sītī Māriyah diuntukkan oleh Allah dengan limpah kurnia-Nya yang besar itu, sedang isteri-isteri Nabī yang lain, yang di antara mereka terdapat anak-anak perempuan Sayyidinā Abū Bakr dan Sayyidinā ‘Umar, hidup berhampa hati daripada mendapat cahaya mata?

Demikian mereka tertanya-tanya sendiri, dengan perasaan cemburu yang menyala-nyala. Mereka kelihatan bingung, tak tahu apa yang hendak diperkatakan, dan apa yang hendak dilakukan.

Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* pun menyengkang mata, menjaga dan memelihara Sītī Māriyah dengan sebaik-baiknya, demikian juga yang dilakukan oleh

adiknya Sīrīn, sehinggalah Sītī Māriyah cukup bulannya, dan tiba saat hendak bersalin – pada suatu malam dalam bulan Zulhijjah, tahun kedelapan Hijriyyah.

Baginda pun menyuruh memanggil bidan (Salmā: isteri Abī Rāfi'), lalu baginda mengasingkan diri dalam sebuah bilik di rumahnya, untuk bersembahyang dan berdoa.

Apabila Ummu Rāfi' (mak bidan) datang membawa berita yang menggembirakan itu kepada Nabī – berita lahirnya seorang putera, berseri-seri wajah baginda menyambut berita itu, lalu dipermuliakan Ummu Rāfi' dan diberikan hadiah yang selayaknya. Baginda pun segera pergi melihat Sītī Māriyah dan mengucapkan tahniah kepadanya, lalu ditatangnya puteranya dengan sepenuh-penuh kegembiraan dan kasih sayang. Puteranya yang dikasihi itu kemudiannya dinamakan "Ibrāhīm" kerana mengambil sempena nama Nabī Ibrāhīm *'alayhi al-salām* – moyang segala Nabī-Nabī.

Rasulullah pun memberi sedekah kepada tiap-tiap seorang miskin di Madinah dengan perak seberat rambut puteranya yang telah dicukur itu, kemudian diserahkan (puteranya itu) kepada seorang pengasuh yang akan menyusuinya. Baginda telah memberikan kepadanya tujuh ekor kambing supaya disusukan puteranya dengan susu kambing itu kalau air susunya (pengasuh itu) kekeringan.

Tinggallah Rasulullah dalam kegembiraannya itu, sambil menyaksikan puteranya dari sehari ke sehari bertambah cerdik dan bertambah besar, dan menjadi tumpuan kasih sayangnya dan hiburannya.

Pada suatu hari baginda menatang puteranya itu lalu di bawanya ke rumah Sītī 'Ā'ishah dan dengan lemah lembutnya dan ketawanya baginda meminta Sītī 'Ā'ishah melihat puteranya

adakah dia menyerupai baginda? Pertanyaan itu dirasa oleh Sītī 'Ā'ishah seolah-olah anak panah yang menikam hatinya. Ia hampir-hampir menangis kerana cemburu dan hibanya. Tetapi ia dapat juga menahan air matanya lalu berkata:

“Saya tak nampak sebarang persamaan rupa di antara tuan dengan dia!”

Perasaan hiba dan hampanya Sītī 'Ā'ishah segera disedari oleh Rasulullah, lalu baginda membawa puteranya berundur dari situ dengan perasaan belas kasihan kepada Sītī 'Ā'ishah yang dikasihinya itu.

Perasaan cemburu isteri-isteri Rasulullah terhadap Sītī Māriyah, sungguhpun tidak begitu dizahirkan, kerana hendak mengambil hati Nabī, tetapi tetap terpendam ibarat api dalam sekam.

Pada suatu hari, Sītī Hafṣah balik ke rumahnya lalu didapatinya Rasulullah bersama-sama Sītī Māriyah sedang berada di rumahnya. Kejadian itu menyebabkan Sītī Hafṣah dan isteri-isteri Nabī yang lain membuat ragam sehingga baginda terdesak mengharamkan Sītī Māriyah menjadi isteri baginda. Akhirnya turun beberapa ayat Quran menempelak baginda dan menegur: Mengapa baginda kerana hendak menurut kehendak isteri-isterinya terpaksa mengharamkan Sītī Māriyah yang telah dihalalkan oleh Allah baginya?

Nabī pun mengambil langkah yang tegas terhadap isteri-isterinya yang banyak ragam itu, lalu baginda memulaukan mereka sebulan lamanya, sehingga mereka jeran dan taubat tidak akan membuat ragam lagi.

Terkenang-kenang di hati Sītī Māriyah bahawa ia telah berjaya mencapai apa yang dicita-citakannya. Ia telah beruntung melahirkan seorang putera bagi Rasulullah, sebagaimana

Sītī Hājar dahulu telah melahirkan seorang putera bagi Nabī Ibrāhīm, iaitu Ismā'īl.

Dan sekarang peristiwa sedih yang telah timbul kerana cemburu madu-madunya itu telah selesai dengan suatu penyelesaian yang memberi keuntungan kepadanya, peristiwa dia diharamkan oleh Nabī, kemudian turun *al-Qur'ān* menerangkan bahawa dia tetap halal bagi Nabī, adalah peristiwa yang akan berkekalan dibaca oleh umat Islam turun-temurun di dalam Quran, sebagaimana peristiwa Sītī Hājar dan puteranya, yang terpaksa berhijrah ke padang sahara di Mekah, kerana cemburu madunya Sītī Sārah, juga kekal hidup dibaca orang di dalam Quran.

Tidak ada suatu perkara yang mendatangkan kebahagiaan kepada Sītī Māriyah sebagaimana kebahagiaan yang telah diperolehinya dengan melahirkan seorang putera bagi Nabī yang telah lanjut umurnya, dan hampir-hampir berputus asa daripada memperoleh anak. Seorang putera yang menjadi hiburan dan tumpuan kasih baginda, setelah baginda kematian putera-putera dan puteri-puterinya daripada isterinya Sītī Khadījah – *raḍīya Allāhu 'anhā*.

Anak bulan yang tenggelam

Tetapi kebahagiaan Sītī Māriyah tidak berpanjangan melainkan hanya sekadar setahun lebih sahaja, kemudian berlakulah kejadian yang menyedihkan dan meremuk-redamkan hatinya.

Ibrāhīm, yang belum pun genap usianya dua tahun telah pun jatuh sakit. Hilang semangat ibunya – Sītī Māriyah – menghadapi kejadian yang memilukan hati itu, lalu Sītī Māriyah memanggil adiknya: Sīrīn, supaya tinggal di sisinya membantu menjaga dan membela

buah hatinya itu. Tinggallah mereka dua beradik di sisi Ibrāhīm yang sedang sakit tenat, menyengkang mata siang dan malam. Sedang ayahandanya – Rasulullah pula telah lumpuh tenaganya melihat puteranya yang dikasihi dalam keadaan terlalu uzur. Dengan dipapah oleh sahabatnya, 'Abd al-Rahman bin 'Awf, baginda pun mengambil puteranya itu dari ibunya ketika ia sedang nazak lalu diletakkannya di pangkuannya. Sambil menitis air matanya baginda berkata: Bahawa apa yang telah ditetapkan Allah *'azza wa jalla* tidak ada siapa-siapa yang akan dapat menolaknya.

Di dalam saat yang diselubungi suasana sedih dan sayu itu, Ibrāhīm menutup mata, dengan diratapi oleh ibunya – Sītī Māriyah, dan ibu saudaranya – Sīrīn, yang tidak bergerak dari sisinya.

Dengan air mata yang bercucuran dan hati yang pilu baginda pun segera mencium mayat puteranya yang dikasihinya itu sambil berkata dengan hibanya:

“Tadma'ū al-'aynu wa yaḥzanu al-qalbu wa lā taqūlu illā mā yaḍī al-rab, wa anā yā Ibrāhīmu *'alayka lamaḥzūnūn, wa innā lillāhi wa innā ilayhi rāji'ūn.*”

“Bergenang air mata, sedih pilu rasa hati, tetapi kami tidak berkata-kata melainkan dengan kata-kata yang diredai Tuhan. Kami, wahai Ibrāhīm, sesungguhnya menanggung duka nestapa atas kematianmu. Kami sekalian kepunyaan Allah dan kepada-Nya jua kami kembali.”

Setelah itu baginda pun merenung muka Sītī Māriyah dengan rasa belas kasihan, lalu baginda melipurkan hatinya dengan berkata:

“Dia (Ibrāhīm) ada ibu pengasuhnya yang menyukannya di Syurga.”

Setelah jenazahnya diurus lalu dibawanya ke tanah perkuburan “al-Baqī’” dengan diiringi oleh Rasulullah dan sahabat-sahabatnya. Baginda pun menyembahyangkan dia dan baginda sendiri yang meletakkan dia di dalam kubur. Setelah diratakan tanah di atas kuburnya lalu disiram dengan air. (Dalam satu riwayat yang tidak disebutkan oleh Dr. Bint al-Shāfi’ bahawa Nabī ada meletakkan alamat sebagai batu nisan dan ada berucap di atas kuburnya – P.)

Setelah selesai dikebumikan masing-masing pun bersurai dengan sedihnya, tiba-tiba suasana menjadi redup dan matahari gerhana. Melihat kejadian itu, setengahnya kedengaran berkata: Matahari gerhana kerana kematian Ibrāhīm.”

Tatkala kata-kata yang demikian sampai ke pengetahuan Rasulullah, baginda pun berpaling kepada sahabat-sahabatnya lalu, bersabda:

“Inna al-shamsa wa al-qamara āyātani min āyāti Allāhi la tukhsifāni li mawt aḥadin wa lā li ḥayātihi.”

Ertinya: “Sesungguhnya matahari dan bulan itu ialah dua tanda dari tanda-tanda kebesaran Allah, kedua-duanya tidak gerhana kerana kematian seseorang atau kerana hidupnya”

Duka nestapa Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam* disimpannya di dalam hati yang penuh dengan rasa sabar dan berserah bulat-bulat menerima kehendak Allah yang telah ditakdirkan dan ditetapkan berlakunya. Manakala Sītī Māriyah tinggal diam di rumahnya menahan sabar seberapa yang terdaya supaya kesedihannya tidak ketara dan tidak membangkitkan rasa sedih dan pilu yang sedang terpendam

di hati suaminya – Rasulullah – yang dikasihi. Dalam pada itu, ia selalu juga keluar menziarahi kubur anaknya dan menangis dengan sepuas-puasnya di sana.

Tetapi Rasulullah tidak lanjut usianya setelah puteranya Ibrāhīm wafat dalam tahun kesepuluh Hijriyyah. Sebaik-baik sahaja timbul bulan Rabiulawal dari tahun yang mengiringinya, tiba-tiba baginda jatuh gering lalu wafat dengan meninggalkan Māriyah hidup lima tahun kemudian daripadanya, dengan keadaan mengasingkan diri dari masyarakat ramai. Ia hampir-hampir tidak berjumpa dengan siapa-siapa selain daripada adiknya Sītīn, dan hampir-hampir tidak keluar melainkan untuk ziarah kubur suaminya – Rasulullah – di masjid, atau ziarah kubur anaknya – Ibrāhīm – di perkuburan al-Baqī’.

Tatkala Sītī Māriyah wafat, Amīr al-Mu’minīn, Sayyidinā ‘Umar telah mengumpulkan orang ramai dengan sebanyak-banyaknya untuk mengiringi jenazahnya, lalu disembahyangkan dan dikebumikan di tanah perkuburan al-Baqī’.

Sītī Māriyah telah berbahagia mendapat kemuliaan yang besar dengan mendapat tempat dalam kehidupan Rasulullah, dan mendapat pembelaan Ilahi – melalui *al-Qur’ān al-Karīm* – tatkala ia berhadapan dengan pertentangan yang hebat dari madu-madunya, dan juga telah mendapat limpah kurnia Allah *‘azza wa jalla*, iaitu menjadi ibu bagi Sayyidinā Ibrāhīm *‘alayhi al-salām* – putera Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam*.

Selain daripada itu, ia juga telah mengikat tali persemendaan di antara Semenanjung Arab dengan negeri Mesir, persemendaan yang sudah wujud semenjak dahulukala – semenjak zaman Sītī Hājar ibu Nabī

Ismā‘īl – moyang bangsa Arab yang pilihan. Kerana inilah Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam* bersabda:

“Istawṣū bi al-qibṭi khayran fa inna lahum dhimmatun wa raḥmā.”

Ertinya: “Berpesananlah kamu dengan layanan yang baik terhadap orang-orang Qibṭī, kerana mereka telah diberi jaminan dan mereka juga mempunyai tali persemendaan dengan kami.”

Wasiat Rasulullah ini dijunjung tinggi oleh umat Islam sesudahnya.

Menurut satu riwayat, tatkala Sayyidinā Ḥassan ibn ‘Alī (cucu Rasulullah) beralah menyerahkan jawatan Khalifah

yang disandang kepada Mu‘āwiyah, maka dalam perjanjian perdamaian itu Sayyidinā Ḥassan telah meminta supaya orang-orang Qibṭī penduduk kampung “Ḥifn”, kampung kaum kerabat Sītī Māriyah di Mesir, dibebaskan daripada cukai.

Demikian juga satu riwayat yang lain mengatakan, ‘Ubādah ibn al-Ṣāmat, sahabat Nabī yang terkenal, datang ke Mesir sesudah negeri itu dibuka dalam zaman Sayyidinā ‘Umar, ia telah mencari akan kampung Sītī Māriyah, lalu didirikannya sebuah masjid di atas tapak rumah Sītī Māriyah - *raḍiya Allāhu ‘anhā*.

(Dari buah kalam Dr. Bint al-Shāṭi’, dalam bukunya “Isteri-isteri Nabī” yang telah dipersesuaikan oleh Ummu Muḥsin dan diterbitkan oleh Qalam).

Siri Sejarah Hidup Nabī Muhammad

Ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam

Disusun oleh

Edrus

Buku ini disusun dipersesuaikan dengan sukatan pelajaran

Sejarah Islam untuk pelajaran agama di sekolah kebangsaan

di Persekutuan Tanah Melayu. Berpenggal-penggal: 1. Hāshīm bin ‘Abd Manāf, 2. ‘Abd al-Muṭalib, Nenda Baginda, 3. ‘Abd Allāh dan Āminah – Ayah Bonda Nabī, 4. Hari Diperanakan, 5. Ḥalimah al-Sa‘diyyah, 6. Yatim Piatu, 7.

Berkahwin dengan Sītī Khadijah, 8. Menerima wahyu.

Buku ini mengandungi 34 buah. Sambungannya akan segera diterbitkan oleh Qalam Singapura. Harganya 30 sen senaskhah. Belanja mengirim 10 sen.

